

**NO. SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9407**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah balai polis di kawasan Parlimen Puchong dan adakah Kerajaan bercadang untuk membina balai polis di kawasan Taman Equine dan Taman Puncak Jalil.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kawasan Parlimen Puchong adalah terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, Selangor dan terdapat tujuh (7) buah Balai Polis sedia ada iaitu:**

- I. Balai Polis Bandar Kinrara ;**
- II. Balai Polis Puchong Jaya ;**
- III. Balai Polis Sri Kembangan ;**
- IV. Balai Polis Serdang ;**
- V. Balai Polis Komuniti Bandar Puteri ;**
- VI. Balai Polis Komuniti Bukit Serdang dan ;**
- VII. Balai Polis Komuniti Sg. Besi Indah.**

**Buat masa ini, tiada cadangan daripada Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Selangor, Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membina Balai Polis di kawasan Taman Equine (*Equine Park*) kerana kawasan tersebut adalah di bawah bidang kuasa dan pentadbiran Balai Polis Sri Kembangan di mana jarak antara kedua-dua kawasan ini hanya lebih kurang tiga (3) kilometer selain tiada perjawatan khusus yang diwujudkan bagi Balai Polis ini.**

**Bagi kawasan Taman Puncak Jalil, keperluan pewujudan Balai Polis di kawasan berkenaan adalah tidak mendesak kerana ianya berada di bawah bidang kuasa dan pentadbiran Balai Polis Kinrara yang hanya berjarak sejauh dua (2) kilometer dari kawasan berkenaan.**